

**SISTEM PENTADBIRAN MAHKAMAH SYARIAH SARAWAK : SATU
TINJAUAN**



OLEH

RIZA BT JOHARI

HJH KORNIATI BT HJ KHALIK

PERPUSTAKAAN UiTM SARAWAK
PROJEK PELAJAR

**Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada
Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang
Institut Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Bagi Memenuhi Sebahagian Dari Syarat Untuk
Memperolehi Diploma Pentadbiran Awam**

MEI 1996

ISI KANDUNGAN*Tajuk**muka surat*

PENGHARGAAN	i-ii
ISI KANDUNGAN	iii-vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
ABSTRAK	ix
OBJEKTIF PENYELIDIKAN	x-xi
SKOP PENYELIDIKAN	xii
METODOLOGI	xiii-xv
BATASAN PENYELIDIKAN	xvi
BAB 1: SISTEM PENTADBIRAN MAHKAMAH SYARIAH	
SARAWAK: SATU TINJAUAN	
1.1 PENGENALAN	1
1.2 APA YANG DIMAKSUDKAN DENGAN SISTEM PENTADBIRAN?	3

1. ABSTRAK

Keseluruhan penyelidikan ini adalah untuk mengkaji tentang sistem pentadbiran Mahkamah Syariah Sarawak. Di mana Sarawak adalah merupakan negeri pertama yang menyahut seruan kerajaan agar mempertingkatkan kedudukan dan taraf Mahkamah Syariah demi meninggikan martabat masyarakat Islam, dan agama Islam itu sendiri. Malah menegakkan institusi kehakiman adalah merupakan tuntutan syarak yang wajib untuk dilaksanakan.

Dalam penyelidikan ini, kita akan dapat melihat struktur, objektif dan fungsi, bidangkuasa serta aliran kerja Mahkamah Syariah Sarawak. Aliran kerja Mahkamah Syariah amatlah penting bagi mengetahui kes jenayah syariah dan kes sivil / mal.

Di samping itu juga, kami mengemukakan pandangan masyarakat Islam terhadap Mahkamah Syariah. Sehubungan dengan itu, satu pendekatan perlu diambil untuk melihat dan mengkaji bilamanakah pentadbiran Mahkamah Syariah Sarawak dilaksanakan melalui kes jenayah Syariah dan kes Sivil / Mal serta masalah-masalah yang dihadapi dan juga beberapa cadangan yang dikemukakan untuk mengatasinya.

2. OBJEKTIF PENYELIDIKAN

Objektif penyelidikan ini adalah untuk mengetahui perjalanan pentadbiran Mahkamah Syariah Sarawak Kuching di dalam aliran kes jenayah syariah dan kes sivil / mal. Di samping itu juga kertas penyelidikan ini menekankan ciri-ciri seperti berikut:

- 2.1 Kuasa menubuh Mahkamah Syariah serta perlantikan pegawai-pegawainya;
- 2.2 Objektif dan fungsi Mahkamah Syariah Sarawak;
- 2.3 Bidangkuasa Mahkamah Syariah Sarawak;
- 2.4 Proses kerja kes Jenayah Syariah dan proses kerja kes Sivil/ Mal;
- 2.5 Hukuman yang dikenakan terhadap kesalahan jenayah syariah dan kesalahan Mal / Sivil;
- 2.6 Pandangan masyarakat Islam terhadap Mahkamah Syariah;
- 2.7 Masalah-masalah yang dihadapi oleh Mahkamah Syariah;
- 2.8 Usaha-usaha untuk mempertingkatkan status Mahkamah Syariah;

BAB 1 : SISTEM PENTADBIRAN MAHKAMAH

SYARIAH SARAWAK : SATU TINJAUAN

1.1 PENGENALAN

Perkembangan Islam di seluruh dunia pada dekad ini menyaksikan beberapa perubahan telah berlaku dalam pentadbiran agama Islam dan Undang-undang berkaitan Negara Malaysia tidak ketinggalan dalam melalui perubahan ini dengan penubuhan beberapa jawatankuasa yang khusus untuk menilai semula kedudukan dan taraf undang-undang Islam terutama Mahkamah Syariah di seluruh negeri.

Jawatankuasa tersebut dengan didokong oleh pimpinan negara sentiasa berusaha untuk mencari kaedah yang sesuai bagi meningkatkan imej dan kedudukan Mahkamah Syariah walaupun menyedari soal agama Islam dan perkara berkaitan adalah di bawah bidang kuasa negeri-negeri. Mereka berharap perubahan peringkat globalisasi dan nasional akan turut mempengaruhi negeri-negeri di Malaysia dan seterusnya langkah untuk menubuhkan sebuah jabatan baru khusus untuk Mahkamah Syariah dapat dilaksanakan dengan segera.

Negeri Sarawak merupakan antara negeri yang berkembang dengan pesat bukan sahaja dari segi ekonomi malah dari segi pentadbiran agama Islam. Sarawak, negeri pertama yang menyahut seruan kerajaan agar mempertingkatkan kedudukan dan taraf Mahkamah Syariah demi meninggikan martabat masyarakat Islam dan